



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/05/37 (HQ)

### TNB DIIKTIRAF DI ASIA

**BANGKOK** – TNB memenangi anugerah Best Digital Transformation Project di Asian Utility Innovation Week 2017, ekspo persidangan yang menghimpunkan syarikat-syarikat utiliti di Asia pada minggu lalu.

Anugerah bagi pelaksanaan Unmanned Aerial System (UAS) itu mengiktiraf pembangunan TNB bagi untuk memantau grid nasional sebagai antara inisiatif berkesan transformasi digital di rantau Asia.

Pemilihan TNB adalah berdasarkan inisiatif transformasi digital yang menuju ke arah penjimatan kos, peningkatan keberkesanan & kecekapan operasi bisnes.

Asian Utility Innovation Week menghimpunkan syarikat-syarikat utiliti di Asia.

Ia adalah satu platform untuk penggerak industri berkongsi perkembangan terkini mengenai landskap industri utiliti elektrik seperti teknologi baru tenaga pintar dan penyelesaian bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan operasi agar lebih mantap dan mapan.

Pengurus Besar Strategy, Partnership & Transformation Bahagian ICT, Muhammad Faisal Sidek dan Pengurus Besar, IT Development Bahagian ICT, Fauzan Mohamad mewakili TNB menerima anugerah itu.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 10:00 pagi, 31 Mei 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*